



**UCAPAN SEMBAH MENJUNJUNG KASIH  
KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**OLEH**

**YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA RAKYAT  
(BAITI JANNATI)**

**PADA 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS) JAM 2.30 PETANG**

**BERTEMPAT DI  
SURAU MUHAJIRIN, PA DESA REJANG, KUALA LUMPUR**

**Bismillahir Rahmanir Rahim,**

**Alhamdulillahi Rabbil A'lamin, wabiHi Nasta'in,**

**Marilah kita bersama-sama mengangkat selawat ke atas Rasul  
junjungan, Nabi Muhammad SAW, semulia-mulia insan dan kekasih  
Allah.**

**Kita lafazkan dengan kalimah, Allahumma Solli Ala Saidina  
Muhammad, Wa a'la A-li Saidina Muhammad.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera  
dan Salam 1Malaysia.**

**Ampun Tuanku,**

1. Menghadap, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-15, Sultan Muhammad V, dengan kehendak dan izin yang Maha Berkuasa jua, dapat patik mengalu-alukan Tuanku pada hari yang bersejarah ini.

**Ampun Tuanku,**

2. Patik merafak sembah menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berangkat mencemar duli bagi menyempurnakan Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat pada petang nan permai ini.

Berbudi bahasa berhemah tinggi,  
Tuanku bertitah rakyat dengari,  
Semua jemputan tuanku hadiri,  
Asalkan rakyat rasa dihargai.

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,**

3. Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku ke majlis ini dan sokongan padu patik dan seluruh warga kerja Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi sangat-sangat menyanjung tinggi dan menghargainya.

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,**

4. Kementerian Wilayah Persekutuan telah melaksanakan pelbagai program untuk rakyat seperti RUMAWIP, Biodegradasi, ROL (*River of Life*), Kad Ceria, Program Bas Sekolah Percuma dan Kenduri 1Wilayah. Program untuk rakyat mencakupi pelbagai aspek kehidupan dan yang terkini ialah Program Baiti Jannati. Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan merupakan satu program yang menyediakan bantuan bagi membolehkan rakyat Tuanku yang kurang bernasib baik di ibu kota Kuala Lumpur untuk memiliki rumah sendiri dan mendiami rumah yang lebih selesa dan lengkap sebagai asas keharmonian sesebuah keluarga. Matlamat utama program ialah untuk meningkatkan kualiti hidup dengan menyediakan tempat tinggal yang selesa kepada golongan

berpendapatan rendah, ibu tunggal, OKU, golongan asnaf, fakir, miskin di Wilayah Persekutuan.

5. Program ini juga merupakan salah satu penyelesaian dalam membantu dan menangani kemiskinan bandar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kita tidak mahu golongan ini terpinggir dalam arus deras pembangunan dan pemodenan bandar. Hak milik rumah di bawah program ini akan dipindahkan kepada penerima yang terpilih di kalangan penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam DBKL (PA DBKL) sedia ada tanpa sebarang bayaran dengan syarat unit berkenaan tidak boleh dijual kepada pihak ketiga tetapi boleh diwariskan kepada anak atau waris terdekat.

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,**

6. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) atas kerjasama dalam menjayakan program ini melalui Baitulmal dengan membenarkan program ini dilaksanakan menggunakan wang zakat syarikat. Program ini telah dimulakan pada tahun 2016 dengan kerjasama pihak TNB dan DBKL kepada 23 penerima yang beragama Islam sahaja kerana wang yang digunakan adalah dari wang zakat TNB. Kementerian Wilayah Persekutuan telah memperluaskan program ini agar dapat diberi kepada kaum-kaum yang bukan beragama Islam juga. Program penyerahan Baiti Jannati yang terbaru adalah pada 15 Oktober 2017 kepada 10 keluarga komuniti India sebagai hadiah sempena menyambut Hari Deepavali yang lalu. Kementerian telah mensasarkan sebanyak 200 unit dapat diserahkan kepada penerima sepanjang tahun 2017. Sehingga hari ini, Kementerian

telah menyerahkan 34 buah rumah kepada penerima yang layak. Pada petang yang hening ini sejumlah 12 unit rumah lagi akan dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku kepada penerima yang terpilih pada kali ini.

7. Di samping pemberi milikan hakmilik rumah, unit rumah di PPR atau PA yang kosong akan dibaik pulih dan dilengkapkan dengan perabot asas seperti set sofa, meja makan, almari pakaian, katil, tilam dan kabinet dapur berserta barang elektrik mengikut keperluan seperti, mesin basuh, peti ais, periuk elektrik dan lain-lain sebelum diberikan kepada penerima. Anggaran kos purata bagi menjayakan program ini yang merangkumi kos rumah, kos baik pulih dan barang elektrik adalah di antara RM65000 – RM70000 seunit.

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,**

8. Program ini dilaksanakan dengan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) melibatkan beberapa agensi seperti Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan syarikat-syarikat swasta serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Antara syarikat, Yayasan dan NGO yang telah menyertai program ini ialah Yayasan Wilayah Persekutuan, Yayasan AlBukhary, Yayasan Al-Mansorah, Tenaga Nasional Berhad, CELCOM, JL99 Group, Mah Sing Group Berhad, Aset Kayamas Sdn. Bhd, Maju Holdings Sdn. Bhd., Ekovest Group, Malton Berhad, Pavilion Kuala Lumpur, Maxim Sdn. Bhd dan WCT Holdings Berhad serta Badan Amal Kasih Ibu Wilayah Persekutuan.

**Ampun Tuanku,**

9. Akhir kata daripada patik, kesejahteraan sosial dan pembangunan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia pada masa ini adalah hasil usaha dan kerjasama semua pihak. Sehubungan itu, adalah menjadi obligasi sosial dan komitmen Kerajaan untuk menyediakan tempat tinggal yang kondusif sebagai tanda keperihatinan kepada rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan.

10. Seterusnya patik mohon limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku patik untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara

langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis pada petang ini.

11. Sekian sahaja persembahan ucapan patik pada petang ini. Patik merafak sembah memohon ampun jika ada sebarang kekurangan di dalam pengajuran majlis serta jika terdapat kesilapan tutur bicara di dalam persembahan ucapan patik sebentar tadi.
12. Selanjutnya patik berdoa ke hadrat Allah S.W.T. moga-moga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku terus dikurniakan kecemerlangan hidup, sihat walafiat, dilanjutkan usia, aman sentosa, dilimpahkan nikmat dan dimurahkan rezeki. Amin.

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik pohon diampun.**

**Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**